

Musa dilantik Naib Canselor USIM baharu

SEREMBAN - Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad dilantik Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang baharu, berkuat kuasa hari ini untuk tempoh tiga tahun.

Musa, 52, sebelum ini ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM dan pelantikan beliau mendapat persetujuan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau menggantikan Prof. Datuk Dr. Asma Ismail yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan.

Penolong Pendaftar Pusat Ko-

munikasi Strategik USIM. Mohd. Zaini Othman berkata, dengan pelantikan itu, Musa yang lahir di Panchor, Muar, Johor merupakan Naib Canselor keempat universiti berkenaan.

"Sebagai seorang ahli akademik, beliau amat aktif melakukan pelbagai penyelidikan dalam bidang sains, khususnya melibatkan teknologi sensor kimia dan biosensor.

"Hasilnya, pelbagai pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa diterimanya seperti pingat emas di International Invention Geneva (tahun 2005), dan Ekspo Penyelidikan dan Inovasi UKM (tahun 2005)," katanya kepada Bernama di sini semalam.

INFO Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad

- Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama) Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) (1985).

- Ijazah Sarjana Instrumentation and Analytical Science, University of Manchester (1987).

- Ijazah Doktor Falsafah Optical Fibre Chemical Sensor, University of Manchester (1994).

- Koordinator Program Matrikulasi UKM (1994-1996).

- Ketua Program Kimia UKM (2004-2007).

- Dekan Fakulti Sains dan Teknologi UKM (2009-2010).

